

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong
Tebal]**

TARIKH : 17 Mei 2016 (Selasa)

**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan dasar-dasar
dan program-program pembangunan
pertanian bagi menangani isu import
bahan serta produk-produk makanan
yang bernilai berbilion ringgit setiap
tahun supaya keselamatan makanan
negara terjamin.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu import bahan serta produk-produk makanan, Kementerian melaksanakan strategi dengan meningkatkan pengeluaran dan membangunkan penggantian import dan industri yang menggunakan input barangan import yang rendah.

Di bawah strategi ini Kementerian telah dan akan melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

a. Meningkatkan pengeluaran makanan melalui:

- i) pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* (EPP) di bawah NKEA Pertanian; dan
- ii) Pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru. Dengan pembangunan kawasan-kawasan ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan,

kadar import dapat dikurangkan dan tahap sara diri (SSL) dapat ditingkatkan.

b. melaksanakan langkah penggantian import melalui:

- i) Menghasilkan tanaman alternatif tempatan sebagai contoh jagung bijirin untuk makanan haiwan di mana pelaburan dan dasar akan digerakkan bagi meningkatkan pengeluaran produk domestik untuk menghasilkan produk tersebut.
- ii) Pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 120,000 hektar untuk aktiviti pertanian gantian import; dan
- iii) Membangun dan menyokong industri *niche* yang menggunakan kandungan import yang minimal seperti sayuran dan ayam organik.

c) Lain-lain tindakan mengurangkan kebergantungan import seperti:

- i) Melaksanakan pemutuan sebenar padi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti padi dan beras yang dihasilkan;
- ii) Penggunaan teknologi dan mekanisasi bagi mengurangkan kehilangan lepas tuai produk-produk pertanian seperti padi, buah-buahan dan sayur-

sayuran. Langkah ini didapati mampu mengurangkan kehilangan lepas tuai daripada lebih 30% kepada kurang daripada 15% hasil ladang; dan

- iii) Kebarangkalian untuk mewujudkan kontrak jangka masa panjang bagi input pertanian yang diimport (i.e.: jagung bijirin untuk makanan haiwan) untuk menjamin bekalan dan menstabilkan harga.

Kementerian mengambil maklum bahawa sesetengah produk tidak akan dapat digantikan dan import akan tetap diteruskan. Namun demikian, kebergantungan import daripada negara tradisional dan sumber yang mahal akan dikurangkan. Kementerian juga akan mempelbagaikan sumber import daripada negara-negara baru yang boleh membekalkan barang tersebut dengan harga yang lebih murah.